

# MEDIA RELEASE



TH PLANTATIONS BERHAD

Registration No. 197201001069 (12696-M)

## KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI TH PLANTATIONS 1H TK2024 MELONJAK 62% LEBIH TINGGI BERBANDING 1H TK2023

-*Pelan Perniagaan Strategik 5 Tahun atau AL-FALAH 22/22 membuatkan hasil-*

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2024 - TH Plantations Berhad ("THP" atau "Kumpulan"), mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM52.6 juta untuk 1H2024, meningkat sebanyak 62% berbanding PBT RM32.4 juta yang dicatat pada 1H2023 tahun lepas. Lonjakan PBT untuk 1H2024 disumbangkan oleh pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi sebanyak 16%, peningkatan jualan produk sawit [minyak sawit mentah (MSM) dan BTS] serta harga MSM yang lebih tinggi.

Keputusan kewangan yang memberangsangkan ini memberi keyakinan terhadap masa hadapan yang cerah untuk kejayaan Pelan Strategik 5 Tahun kami, AL-Falah 22/22.

Ketua Pegawai Eksekutif, Mohamed Zainurin Mohamed Zain berkata "prestasi syarikat akan terus didorong oleh Pelan Strategik 5-tahun THP yang dikenali sebagai AL-Falah 22/22. Pelbagai usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memperkuuh amalan agronomi yang baik di bawah AL-Falah 22/22 telah membuatkan hasil yang memberangsangkan."

Berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas, Keuntungan Kasar meningkat sebanyak 90.6%, Kadar Perahan Minyak (Oil Extraction Rate-OER) meningkat kepada 19.11% daripada 19.05% dan Hasil BTS meningkat kepada 6.89 MT/ha daripada 5.89 MT/ha sebelum ini. Pengurus, Datuk Dr Ahmad Kushairi bin Din berkata "mekanisasi dan kecemerlangan dalam amalan agronomi adalah kecekapan teras bagi syarikat sawit dan hal ini telah diberi penekanan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui AL-FALAH 22/22."

Memandangkan PBT Kumpulan untuk 6 bulan tahun ini sebanyak RM52.6 juta menghampiri PBT pada tahun kewangan 2023 sebanyak RM60.1 juta, Kumpulan yakin bahawa prestasi untuk tahun kewangan 2024 akan kekal memuaskan, melainkan berlaku keadaan di luarjangkaan.

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

Level 23, Menara TH Selborn

153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695



# MEDIA RELEASE



TH PLANTATIONS BERHAD

Registration No. 197201001069 (12696-M)

## Mengenai TH Plantations Berhad

TH Plantations Berhad (THP), cabang perladangan Lembaga Tabung Haji, terlibat dalam perniagaan perladangan sawit dan getah. THP pada mulanya diperbadankan pada tahun 1972 sebagai Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sendirian Berhad dan kemudiannya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 27 April 2006.

Pemilikan tanah THP setakat ini berjumlah lebih daripada 97,000 hektar merangkumi 38 ladang dan 6 kilang yang terletak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Kalimantan, Indonesia. Pada tahun 2023, THP menghasilkan 787,741 MT Buah Tandan Segar (FFB) daripada keluasan tanaman 55,715 hektar. THP merupakan syarikat perladangan sawit ke-9 terbesar di Malaysia dari segi keluasan tanah yang ditanam kelapa sawit.

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

*Asmad Putra bin Abdul Samad*

*Head, Investor Relations & Corporate Communications*

*TH Plantations Berhad*

*Tel: +603 2603 4774 Mobile: +60123785701*

*Email: [asmadputra@thplantations.com](mailto:asmadputra@thplantations.com)*

**TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))**

**Level 23, Menara TH Selborn**

**153, Jalan Tun Razak**

**50400 Kuala Lumpur**

**Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695**

